

07/10/1999

Negara sedia hantar lebih ramai askar

SUBANG, Rabu - Malaysia mahu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menubuhkan segera sebuah pasukan pengaman bagi Timor Timur dan berikrar akan menghantar lebih ramai anggota tentera ke wilayah itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menghantar sejumlah besar tentera, tetapi kini ia bukanlah benar-benar pasukan pengaman.

"Pasukan Antarabangsa Ke Timor Timur (Interfet) dibentuk kerana proses membuat keputusan PBB mengenai pasukan pengaman terlalu lembap," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari Zimbabwe, di sini hari ini.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai 30 anggota dalam Interfet yang diketuai seorang brigadier-jeneral.

Sebelum itu, sekumpulan kira-kira 60 pemerhati tentera dan polis Malaysia ditugaskan dalam Unamet, misi bantuan PBB ke Timor Timur, menjelang pungutan suara pada 30 Ogos lalu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa menanggung kos penghantaran tentera bagi menjalankan tugas pengaman sehingga PBB membuat bayaran.

"Kita tidak berkongsi kos dengan PBB. Saya ingin memaklumkan bahawa apabila kita menghantar tentera ke luar negara, kita masih membayar gaji mereka, sebagai tambahan tentulah mereka menerima bayaran daripada PBB," katanya.

Menurut beliau, dengan menghantar pasukan tentera untuk berkhidmat dalam pasukan pengaman PBB, tidak bermakna Malaysia dapat menjimatkan wang kerana kosnya amat tinggi apabila mata wang negara turun iaitu RM3.80 bagi satu dolar Amerika Syarikat, berbanding RM2.50 sebelumnya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata kos bagi Malaysia dalam ringgit amat tinggi kerana askar yang berkhidmat dengan PBB perlu dibayar elaun bertugas di luar negara.

"Jadi, PBB perlu menanggung kos ini kerana kalau diikutkan (masalah di Timor Timur) ini berlaku kerana PBB membiarkannya terjadi... ada agensi PBB sebenarnya memaksa Indonesia mengadakan pungutan suara pada ketika Indonesia sebenarnya tidak mampu untuk berkempen, mengajak penduduk Timor Timur menyokong penyatuan," katanya.

Sambil menyifatkan pungutan suara itu hampir sama dengan pilihan raya, Perdana Menteri berkata adalah tidak adil apabila hanya satu pihak saja yang dibenarkan berkempen.

(END)